

Berhati-hati bincang isu sensitif: PM

PUTRAJAYA: Semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) diminta sentiasa berhati-hati ketika membincangkan isu agama dan kaum bagi mengelak timbul rasa kurang senang di kalangan rakyat di negara ini.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, isu agama dan kaum tidak wajar dibincangkan secara terbuka kerana ia sudah termaktub mengikut Perlembagaan hasil persetujuan bersama semua pemimpin terdahulu.

"Perlembagaan adalah kontrak sosial pertama antara pemimpin semua kaum yang turut menyentuh berkaitan isu agama dan ia disesuaikan dengan keperluan serta sensitiviti semua kaum.

"Jadi, saya mahu isu agama dan kaum tidak ditimbulkan lagi kerana ia akan memberi kesan tidak baik kepada rakyat," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Bersama Ulama Mengenai Isu-isu Agama di pejabatnya di sini, semalam.

Perdana Menteri mahu semua pihak, terutama NGO menjadikan Perlembagaan sebagai panduan bagi mengekalkan perpaduan.

Abdullah berkata, kerajaan juga akan sentiasa mengawasi tindakan yang diambil pihak tertentu, terutama NGO untuk memastikan ia tidak mengganggu keamanan rakyat negara ini.

Ditanya berhubung cadangan mengurangkan had laju di semua jalan Persekutuan dan negeri bagi mengurangkan kemalangan menjelang cuti perayaan, Abdullah berkata, arahan supaya kajian mengenainya dilakukan sudah dikeluarkan.

Sementara itu di **SUBANG**, *Bernama* melaporkan Abdullah memuji kecemerlangan anggota pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ketika bertugas di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi membantu mengembalikan kestabilan dan keamanan di Timor Leste.

Bercakap kepada pemberita selepas menyambut ketibaan 160 anggota dan pegawai PDRM dari Timor Leste selepas berkhidmat tiga bulan di sana di pangkalan Udara TUDM di sini, malam tadi, Abdullah berkata, mereka berkhidmat dengan penuh profesional.

Beliau berkata, perkara itu telah disampaikan kepadanya oleh seorang pegawai yang menghadiri satu seminar antarabangsa yang dihadiri -Perdana Menteri Timor Leste, Jose Ramos-Horta.